



**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA**  
**IKMa/BIL.18/2024**

**(1)**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL  
KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA DI  
103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.18/2024**



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)  
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Dan Memiliki Lesen Daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN)

| <b>NOMBOR SEBUT HARGA</b> | <b>PERKARA</b>   | <b>KOD BIDANG</b>  | <b>TARIKH BUKA/TUTUP</b>  |
|---------------------------|--|--|---|
| <b>IKMa/BIL.18/2024</b>   | <b>PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA DI 103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</b> | <b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)<br/><br/>220801<br/>(PERTAHANAN DAN KESELAMATAN, KAWALAN KESELAMATAN (LESEN DARIPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) SEKSYEN 2 (a))<br/><br/>BUMIPUTERA</b> | <b>BUKA SEBUT HARGA:<br/>3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)<br/><br/>TUTUP SEBUT HARGA:<br/>11 OKTOBER 2024 (JUMAAT)</b> |

## NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.18/2024

Borang sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang [www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my) mulai **3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)** dengan mengemukakan.

### DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUT HARGA.

1. Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masih tempoh sah laku 220801.
2. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
3. Mohon Nyatakan Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk rujukan pihak kami. **Jumlah yang ditawarkan adalah termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) jika ada. (Jika Pembida yang berjaya tetapi TIDAK menyatakan nilai Cukai dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, Pihak IKMa akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada Surat Setuju Terima (SST) atau tawaran asal sebutharga yang dikeluarkan. Segala tuntutan berkaitan cukai kerajaan selepas Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga).**
4. Satu salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat perolehan tersebut dan SSM.
5. **Satu Salinan WAJIB Lesen Agensi Persendirian (Syarikat Kawalan Keselamatan) Dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih tempoh sah laku.**
6. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi surat akuan pembida seperti (**Lampiran F**) dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
7. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.18/2024**

**TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 11 OKTOBER 2024  
(JUMAAT) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**

**DOKUMEN SEBUT HARGA YANG LENGKAP PERLU DIMASUKKAN  
KE DALAM PETI SEBUT HARGA, KAUNTER KEWANGAN BLOK A,  
TINGKAT 1, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103 JALAN TEMPLER,  
46700 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN. SEBARANG  
PERTANYAAN SILA HUBUNGI ENCIK MOHD HASRULNIZAN BIN  
KUSAINI DI TALIAN 03-79640088.**

**(2)**

**LAMPIRAN Q**

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan  
nombor ini

No. Sebut Harga **IKMa/BIL.18/2024**

**KERAJAAN MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....

No. Telefon: .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini (diisi oleh syarikat):

**BERDAFTAR DENGAN MOF:220801**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

.....

.....

.....

.....

No. telefon: **03-79649000**

Tarikh: **3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan.....

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)

.....

1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.18/2024**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **11 hb 10/2024 (JUMAAT)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

Tarikh: **3 OKTOBER 2024**

**(KHAMIS)**

**SHAMSURI BIN SALLEH**  
Pegawai Kewangan Dan Pembangunan  
**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7957 0494

| Bil.                                 | Perihal<br>bekalan/perkhidmatan dan<br>Syarat-syarat Khas   | Unit<br>Ukuran | Kuantiti/<br>Kekerapan | Kadar<br>(RM)                      | Harga<br>(RM) |
|--------------------------------------|---|----------------|------------------------|------------------------------------|---------------|
| Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan |   |                |                        | Untuk diisi oleh<br>Penyebut Harga |               |
| IKMa/BIL.<br>18/2024                 | <b>PEROLEHAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>PENGAWAL<br/>KESELAMATAN (TANPA<br/>SENJATA) BAGI INSTITUT<br/>KOPERASI MALAYSIA DI<br/>103 JALAN TEMPLER,<br/>46700 PETALING JAYA,<br/>SELANGOR BAGI<br/>TEMPOH 2 TAHUN</b><br><br>Tarikh penyerahan/<br>penyempurnaan ditawarkan<br>.....<br>.....<br>(sila nyatakan tempoh)<br><br>*Sila sertakan sesalinan Sijil<br>Pendaftaran dengan<br>Kementerian Kewangan. |                |                        |                                    |               |
|                                      |   |                |                        | <b>JUMLAH</b>                      |               |

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
  - (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....
- (Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebut Harga: .....  
 Nama dan K/P: .....  
 Alamat Syarikat: .....

Tarikh:.....

## **Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

### **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

#### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

#### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

#### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

#### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

#### **5. PERSETUJUAAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

#### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.



## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**(3)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**-LAMPIRAN F-**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA  
SENJATA) BAGI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA DI  
103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR BAGI TEMPOH  
DUA (2) TAHUN

### SEBUT HARGA: IKMa/BIL.18/2024

Saya,.....(Nama Wakil Syarikat) No. Kad  
Pengenalan.....mewakili.....  
(NamaSyarikat)nomborpendaftaran.....  
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau  
mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

3.3

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*memberikan,menjnjikan atau menawarkan suapa untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
No.KP : .....  
Tarikh : .....  
Cap Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**(4)**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN**

**SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)

**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI  /  DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

| BIL. | PERKARA/DOKUMEN  | UNTUK<br>DITANDA<br>OLEH<br>SYARIKAT | UNTUK DITANDA<br>OLEH<br>JAWATANKUASA<br>PEMBUKA<br>SEBUT HARGA |
|------|--|--------------------------------------|---|
| 1.   | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)         |                                      |   |
| 2.   | Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)                                  |                                      |   |
| 3.   | Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) <b>220801</b>  |                                      |   |
| 4.   | Salinan WAJIB Lesen Agensi Persendirian (Syarikat Kawalan Keselamatan) Dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih tempoh sah laku |                                      |   |
| 5.   | Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia   |                                      |   |
| 6.   | Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut   |                                      |   |
| 7.   | Salinan Profail Syarikat   |                                      |   |
| 8.   | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja            |                                      |   |



|    |                         |  |  |
|----|-------------------------|--|--|
| 9. | Lain-Lain Sekiranya Ada |  |  |
|----|-------------------------|--|--|

|  |  |
|--|--|
| <p style="text-align: center;"><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p> | <p style="text-align: center;"><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p><br><p><b>Tandatangan :</b></p> <p><b>Nama :</b></p> <p><b>Jawatan :</b></p> <p><b>Tarikh :</b></p> |
|--|--|

**(5)**

**SPESIFIKASI  
SYARAT-SYARAT DAN JADUAL  
TAWARAN HARGA**



**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATA)  
BAGI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA DI  
103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR  
|BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**1. LOKASI**

**1.1. IKMa - Jalan Templer**

Institut Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya  
Selangor

**1.1.1 Pengawal Keselamatan diperlukan (6 ORANG)**

3 orang SIANG - 2 Lelaki / 1 Perempuan  
3 orang MALAM - 2 Lelaki / 1 Perempuan  
\*Warganegara Nepal (bekas tentera) setiap "shift"

**PERKHIDMATAN KAWALAN DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**1. AM**

**1.1 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Meliputi Tugas :-**

1.1.1 Menjaga dan mengawal pada setiap masa, segala bentuk keselamatan terhadap bangunan, lalu lintas dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan sama ada milik pengguna, kakitangan mahupun pelawat-pelawat.

1.1.2 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak Pengurusan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dari semasa kesemasa.

**1.2 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Seperti Berikut :-**

1.2.1 Kawalan pada waktu pejabat

1.2.2 Kawalan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan

## **2. KAWALAN PADA WAKTU PEJABAT**

- 2.1 Membuka dan menutup pintu-pintu pagar dan pintu-pintu keluar-masuk yang lain diperlukan.
- 2.2 Menaikkan bendera setiap pagi (pukul 7:00 pagi) dan menurunkan bendera setiap petang (pukul 7:00 petang).
- 2.3 Kawalan pergerakan kakitangan, pelajar dan orang ramai menggunakan kad, pengenalan jabatan atau cara lain yang diarahkan oleh Pihak Institut Koperasi Malaysia.
- 2.4 Kawalan pergerakan kenderaan dengan menggunakan pelekat IKMa atau lain-lain cara yang sesuai.
- 2.5 Memberi panduan dan mengarahkan semua kenderaan yang memasuki kawasan bangunan bagi memastikan kesempurnaan dan keselamatan meletak kereta di tempat-tempat yang ditentukan.
- 2.6 Memastikan kenderaan yang keluar-masuk.
- 2.7 Memeriksa kakitangan dan peserta kursus sekiranya disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan menyerahkan dengan serta merta kepada pihak berkuasa.
- 2.8 Tidak membenarkan penjaja memasuki bangunan.
- 2.9 Memastikan peminta derma tidak dibenarkan masuk ke kompleks IKMa kecuali dengan kelulusan pihak pengurusan.
- 2.10 Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada pelawat serta kedudukan pejabat-pejabat dalam kawasan kompleks/ Bangunan IKMa.
- 2.11 Memastikan peserta kursus mematuhi peraturan yang di tetapkan.

## **3. KAWALAN SELEPAS WAKTU PEJABAT DAN HARI KELEPASAN**

- 3.1 Memeriksa dan memastikan semua lampu dalam bangunan, di tutup "*switch off*" kecuali tempat-tempat tertentu dan diperlukan sahaja dinyalakan.
- 3.2 Memasang lampu-lampu keselamatan termasuk lampu pagar, lampu koridor dan spotlight.
- 3.3 Memeriksa dan mengunci pintu-pintu utama keluar-masuk yang tidak diperlukan.

- 3.4 Merekodkan butiran diri semua kakitangan IKMa, pelajar, peserta kursus dan orang awam yang masuk ke kawasan, bangunan, termasuk mereka yang dan ada surat kebenaran masuk.
- 3.5 Memeriksa dan memastikan kakitangan IKMa, pelajar, peserta kursus dan orang awam yang tidak berkenaan dan tiada surat kebenaran tidak berada di dalam kawasan bangunan.
- 3.6 Membuat rondaan di sekitar kawasan berpagar dan luar bangunan.
- 3.7 Menjawab panggilan telefon di pondok pengawal.

#### **4. TUGAS – TUGAS TERTENTU**

##### **4.1 Pondok Pengawal**

- 4.1.1 Memastikan Pondok Pengawal/ Kaunter Pengawal berada dalam keadaan kemas, bersih dan teratur setiap masa.
- 4.1.2 Buku laporan, buku pelawat dan lain-lain buku mesti di tulis dengan terang, kemas dan teratur setiap masa.
- 4.1.3 Lampu di Pondok Pengawal/kaunter pengawal mesti dipasang sepanjang malam.
- 4.1.4 Pengawal Keselamatan perlu sentiasa berada di pondok pengawal/kaunter pengawal.
- 4.1.5 Tidak dibenarkan sesiapa masuk ke dalam Pondok Pengawal kecuali pegawai yang telah di tugaskan.
- 4.1.6 Pengawal dikehendaki berada di luar Pondok secara bergilir-gilir.
- 4.1.7 Perlu mengesahkan borang kebenaran bagi membawa keluar peralatan pejabat yang dibenarkan oleh ketua/bahagian yang berkenaan dengan menggunakan borang khas.

##### **4.2 Pintu Masuk Utama**

- 4.2.1 Pintu masuk utama hendaklah di buka pada jam 06:00 pagi dan di tutup pada jam 12:00 malam tiap-tiap hari bekerja, cuti mingguan dan hari kelepasan am.
- 4.2.2 Pelawat / peserta kursus yang masuk kawasan selepas waktu tersebut diatas hendaklah diambil butir-butir peribadi dan nombor kenderaan.

### **4.3 Pelawat – Pelawat**

- 4.3.1 Semua pelawat yang masuk ke kawasan / bangunan mesti di ambil butir-butir peribadi, nombor kenderaan serta tujuan mengikut format yang di sediakan.
- 4.3.2 Semua pelawat-pelawat hendaklah menyerahkan semula borang yang telah di tandatangani oleh pegawai yang ditemui sebelum meninggalkan bangunan.

### **4.4 Individu – Individu Berkaitan**

- 4.4.1 Orang yang dibenarkan masuk ke kawasan kompleks / bangunan ini ialah kakitangan IKMa, kakitangan UKKM, pelajar, peserta kursus, kontraktor penyelenggaraan IKMa, pembekal bahan mentah IKMa dan kakitangan syarikat mencuci bangunan dan lanskap sahaja. Mereka ini hendaklah memakai tanda pengenalan diri dan pas pelawat.
- 4.4.3 Pihak Pengurusan IKMa akan memaklumkan senarai terkini dari masa ke semasa.

### **4.5 Kenderaan**

- 4.5.1 Kenderaan yang keluar masuk perlu di periksa dengan teliti terutama sekali yang membawa barang-barang.
- 4.5.2 Pastikan semua kenderaan diletakkan di kotak parkir kenderaan yang di sediakan.

### **4.6 Keluar Masuk Barang - Barang**

- 4.6.1 Kenderaan yang membawa keluar masuk barang-barang mesti di periksa terlebih dahulu.
- 4.6.2 Barang-barang atau harta benda IKMa hanya yang boleh di bawa keluar sekiranya ada kebenaran daripada pegawai-pegawai yang berkenaan menggunakan borang khas.

### **4.7 Buku Laporan**

Buku Laporan berikut perlu di lengkapkan setiap hari oleh pengawal-pengawal yang bertugas.

- 4.7.1 Buku Laporan Harian, Buku Laporan Keluar Masuk Kenderaan Institut Koperasi Malaysia.

4.7.2 Buku Pelawat / Penyewa

4.7.3 Buku Penerimaan / Penyerahan Kunci.

4.7.4 Buku Laporan hendaklah di kemukakan oleh Pengawal kepada pegawai yang bertanggungjawab serta membincangkannya pada setiap hari jam 09:00 pagi.

## **5. KEANGGOTAAN PENGAWAL**

- i. Anggota yang terlatih.
- ii. Warganegara Malaysia.
- iii. Hanya warganegara asing bekas tentera warganegara Nepal sahaja yang dibenarkan untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.
- iv. Berumur di antara 25 tahun hingga 60 tahun.
- v. Sihat tubuh badan dan mendapat pengesahan doktor.
- vi. Lulus tapisan keselamatan daripada Polis dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sekiranya pihak IKMa tidak puas hati dengan prestasi mana-mana pengawal keselamatan, syarikat bertanggungjawab menggantikannya.

## **6. KELENGKAPAN**

6.1 Syarikat pembekal perkhidmatan pengawal keselamatan hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut kepada setiap pengawal sepanjang tempoh kontrak :-

6.1.1 Pakaian seragam lengkap dengan tanda nama.

6.1.2 Cotar, Wisel, Lampu Picit, Baju Hujan dan lain-lain yang berkaitan.

6.1.3 Lain-lain kelengkapan yang bersesuaian.

6.1.4 "Walkie – Talkie"

6.1.5 Menyediakan kenderaan bersesuaian untuk rondaan.

## 7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 IKMa berhak memastikan pelaksanaan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dilaksanakan dengan baik.
- 7.2 Menghubungi pihak berkenaan termasuk Ketua Jabatan, Polis, Bomba, Hospital pada masa kecemasan.
- 7.4 Memberi bantuan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan sebagainya.
- 7.5 Memastikan semua lampu di dalam tandas, tangga dan koridor dan lain-lain di tutup apabila tidak diperlukan, begitu juga dengan pili air.
- 7.6 Syarikat pembekal perkhidmatan pengawal keselamatan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan harta benda kerajaan akibat kecuaiannya anggota pengawalnya.
- 7.7 Pengawal keselamatan hendaklah menggunakan kad perakam waktu setiap kali mula dan tamat tugas.
- 7.8 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan menghantar Laporan Kedatangan Bulanan dengan lengkap sebagai dokumen sokongan pembayaran (Rujuk 8.6).

## 8. KOS PERKHIDMATAN

- 8.1 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan untuk menyenaraikan perincian kos yang terlibat di dalam sebutharga yang hendak dihantar. Pengiraan kos perkhidmatan seperti di berikut :

| BIL | PERIHAL KAWALAN   | WAKTU                       | KADAR SEHARI (RM)                      | KADAR SEBULAN (RM)                                 | KADAR SETAHUN (RM)                  |
|-----|-------------------|-----------------------------|--|--|-------------------------------------|
| 1.  | POS JALAN TEMPLER | 7.00 PAGI-<br>7.00 MALAM    | KADAR SEJAM x<br>3 ORANG x 12<br>JAM = | KADAR SEJAM x 3<br>ORANG x 12 JAM X<br>30.5 HARI = | KADAR<br>SEBULAN x<br>12 BULAN<br>= |
| 2.  |                   | 7.00<br>MALAM-<br>7.00 PAGI | KADAR SEJAM x<br>3 ORANG x 12<br>JAM = | KADAR SEJAM x 3<br>ORANG x 12 JAM X<br>30.5 HARI = | KADAR<br>SEBULAN x<br>12 BULAN<br>= |



- 8.2 Upah merangkumi upah pekerja, kelengkapan (Perkara 6), keuntungan yang di peroleh oleh syarikat tersebut dan kos-kos lain yang terlibat.
- 8.3 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan akan dikenakan tempoh percubaan selama tiga (3) bulan di mana pihak IKMa berhak pada bila-bila masa menamatkan perjanjian ini sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat tidak memuaskan dengan syarat notis secara bertulis tidak kurang dari 24 jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut dan IKMa berhak melantik mana-mana syarikat lain yang difikirkan layak.
- 8.4 Selepas tempoh percubaan selama tiga (3) bulan, prestasi Syarikat akan dinilai oleh pihak IKMa dan sekiranya prestasi adalah memuaskan, Kontrak akan disambung untuk baki Dua Puluh Satu (21) bulan .
- 8.5 Selepas tamat tempoh percubaan tiga (3) bulan, Pihak IKMa berhak menamatkan kontrak dengan sebulan notis sekiranya kawalan keselamatan tidak mencapai tahap yang ditetapkan oleh pihak IKMa.
- 8.6 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan menghantar Laporan Kedatangan Bulanan dengan lengkap sebagai dokumen sokongan pembayaran (Rujuk 7.8).
- 8.7 Pihak IKMa berhak memotong sebarang pembayaran sama ada sebahagian atau sepenuhnya dari bayaran bulanan yang dibuat Syarikat jika didapati perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan spesifikasi tugas yang telah ditetapkan.
- 8.8 Pihak IKMa akan meminta tambahan pengawal sekiranya diperlukan dan akan membuat bayaran mengikut jumlah jam perkhidmatan yang diberikan.